

Khilaf Ulama' Dalam Hukum Figh : Sebab Dan Adab-Adabnya

oleh

Prof. Madya Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad

Hakcipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Cetakan Pertama 2007

Penerbit:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 45, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975

Faks: 04-263 2985

rekabentuk & cetakan oleh

betamedia

2007

Naskhah Percuma



Khilaf Ulama' Dalam Hukum Fiqh : Sebab Dan Adab-Adabnya

oleh

Prof. Madya Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

PENDAHULUAN

Bersyukur kepada Allah s.w.t yang telah menghidupkan hati-hati kita dengan WahyuNya, menyelamatkan kita dari kejahilan, memberi hidayat dari kesesatan dan seterusnya menjadikan kita sebaik-baik ummah yang dilahirkan untuk faedah manusia, apabila kita beriman denganNya (wahyu) yang didatangkan kepada kita dan kita menga-malkannya sebagaimana semestinya. Selawat dan salam dituju kepada baginda Rasulullah s.a.w yang membawa rahmat untuk sekalian alam, para sahabatnya dan yang mengikut jalannya hingga hari Kiamat.

Perbincangan tajuk kertas kerja ini memang panjang kalau hendak diperincikan, tetapi untuk menyesuaikan dengan peserta yang terlibat dalam seminar ini, maka penulis terpaksa mengambil pendekatan yang mudah dengan meringkaskannya kepada beberapa noktah penting. Mudah-mudahan dengan pembentangan yang sebegini dapat memberi peluang yang banyak kepada peserta untuk turut serta dalam sesi perbincangan yang akan menghasilkan natijah yang berfaedah untuk kita semua. Insyallah.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di **Seminar Pengembangan Ilmu** anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Institut Pengajian Ar-Razi, S. Prai Selatan bertempat di Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Wilayah Utara, Kepala Batas, S. Prai Utara pada 31.7.2004

Sebelum memulakan perbincangan lebih lanjut berkenaan *khilaf*, sebab dan adab-adabnya, saya kira adalah lebih baik kita membenarkan dahulu pengertian *fiqh* dari segi bahasa dan istilah, sumber hukum dan perbahasan ruang lingkungannya serta mazhab-mazhab *fiqh* dalam Islam.

PENGETIAN AL-FIQH

Perkataan *fiqh* adalah dari segi bahasa Arab yang memberi erti faham atau kefahaman, iaitu kefahaman seseorang secara mutlak atau mendalam yang dapat memahami tujuan perkataan yang diucapkan dan perbuatan yang dilakukan². Dalilnya firman Allah s.w.t , antaranya:

“ واحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي ”

Ertinya: “Dan lepaskanlah kekakuan dari lidahku, supaya mereka mengertikan perkataanku.”

(Surah Taha: 27,28)

“ يا شعيب ما نفقه كثيرا مما تقول ”

Ertinya: “Wahai Syaib! Kami tidak faham kebanyakan dari apa yang engkau katakan itu.”

(Surah Hud: 91)

Daripada perkataan *fiqh* dari segi istilah telah melalui beberapa tahap perubahan secara perlahan-lahan. Pada awal istilah *fiqh* dimaksudkan **“Semua hukum-hukum agama yang dibawa oleh Syariat Islam, sama ada hukum-hukum ini berkaitan dengan aqidah, akhlak, ibadat dan muamalat”**.

² Wahbah al-Zuhaili (Dr.), (1986) Damsyik, Dar al-Fikr “Usul al-Fiqh al-Islami”, jld : 1, hal : 8

Kemudian berlaku perubahan penggunaan kalimah *fiqh* kepada **“Mengetahui dan memahami hukum-hukum Syara’ yang berkaitan dengan mukallaf seperti wajib, haram, sunat, makruh, harus, keadaan sesuatu akad itu sah atau batal, keadaan ibadat itu qadha’ atau ada’ dan sebagainya”**³. Perkembangan berikutnya *fiqh* dari segi istilah dimantapkan dengan maksud **“Mengetahui hukum-hukum Syara’ yang Amali dengan berdalilkan dari dalil-dalil tafsili atau juz’iy”**.⁴

SUMBER HUKUM FIQH

Secara ringkas dapatlah disimpulkan bahawa sumber hukum *fiqh* ada yang disepakati ulama’ dan ada yang *khilaf*. Maka sumber yang disepakati ialah *al-Qur’an*, *al-Sunnah*, *al-Ijma’* dan *al-Qiyas*. Sementara yang *khilaf* pula ialah *al-Istihsan*, *al-Masalih al-Mursalah*, *al-Urf*, *mazhab Sahabi*, *al-Istishab* dan *Syar’u Man Qablana*.⁵

PERBAHASAN ILMU FIQH

Fokus ilmu *fiqh* tertumpu kepada segala perkara yang berhubungkait dengan perlakuan dan tindak tanduk lahiriah manusia. Maka pokok perbincangannya ialah segala perbuatan manusia dalam semua keadaan, sama ada perkara yang berhubung antara manusia dengan Allah s.w.t sebagai Pencipta, atau manusia sesama manusia dan manusia dengan haiwan dan alam sekitar, sama ada perkara yang berhubung dengan hukum wajib, sunat, makruh, harus, syarat, sah, *mani’*, sebab dan batal. Justeru itu ia bukan berkisar mengenai hukum *taklifi* sahaja malah berhubung juga dengan hukum *wadh’iy*.

³ al-Ghazali, *“al-Mustasfa”* jld : 1, hal : 4-5

⁴ Abu al-Karim Zaidan (1994), Beirut, Muassasah al-Risalah, *“al-Wajiz”*, hal : 8

⁵ Boleh dirujuk kepada kitab-kitab *“Usul al-Fiqh”*

Jelaslah bahawa perbincangan dan skop ilmu *fiqh* ini menyentuh berkenaan hukum Syara', iaitu segala apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t melalui *wahyu matluw (al-Qur'an)* atau *wahyu ghair matluw (al-Sunnah)*. Berdasarkan luas dan *syumulnya* skop perbincangan ilmu *fiqh* ini dapatlah ditegaskan bahawa ia mencakupi hukum-hukum berikut:

1. Ibadat seperti solat, puasa, zakat dan hukum-hukum yang mengatur hubungan manusia dengan Tuhannya.
2. Sistem mu'amalat
3. Sistem kekeluargaan atau munakahat
4. Sistem kehakiman atau pengadilan
5. Undang-undang khas antarabangsa
6. Undang-undang am antarabangsa
7. Sistem pemerintahan
8. Sistem kewangan
9. Undang-undang jenayah Islam dan lain-lain lagi

MAZHAB-MAZHAB FIQH DALAM ISLAM

Ramai tokoh ulama' mujtahidin muncul pada peringkat keempat (dari-pada awal kurun kedua hijrah hingga pertengahan kurun keempat) dalam sejarah perkembangan *fiqh*. Mereka telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan, menyubur dan memajukan *fiqh* dan seterusnya mengasaskan madrasah atau sekolah-sekolah *fiqh* yang berjaya melahirkan ulama'-ulama' besar dan pengikut-pengikut yang ramai. Madrasah dan sekolah inilah yang dinamakan mazhab-mazhab Islam atau *fiqh* bersama dengan nama pengasasnya.

Mazhab-mazhab ini walaupun banyak bukanlah bermakna ianya mengecilkan Islam dalam aliran tertentu dan bukan juga suatu proses mewujudkan Syari'at baru. Namun begitu ia merupakan *manhaj* atau metod untuk memahami Syari'at, cara-cara menafsir nas-nas dan mengambil hukum dari sumber-sumbernya. Mazhab-mazhab yang berkembang pada waktu itu ada yang masih berdiri teguh dan mempunyai pengikut yang ramai hingga kini dan ada di antaranya sudah lenyap ditelan zaman tanpa pengikut dan tidak diketahui adanya kata-kata atau fatwa mereka, melainkan apa yang disebut dalam kitab-kitab "**al-Khilaf**" (perbandingan Mazhab) dan kitab-kitab mazhab yang masih kekal.⁶ Bolehlah kita bahagikan mazhab-mazhab ini kepada tiga bahagian:

- Mazhab yang tidak berkembang lama
- Mazhab *Syi'ah* dan *Khawarij*
- Mazhab fiqh yang paling masyhur bagi imam-imam *Ahli Sunnah wa al-Jama'ah*

MAZHBAB YANG TIDAK BERKEMBANG

Para mujtahid pada zaman ini sebenarnya cukup ramai, terdiri daripada *tabi'in* atau *tabi'i al-tabi'in* atau mereka yang berikutnya, tetapi kebanyakan mereka ini tidak ada orang yang mengumpul dan menyebarkan mazhab mereka di kalangan orang Islam dan mamfatwakannya. Akhirnya mazhab ini makin lama makin mengecil. hampir pupus dan hilang fiqhnya, kecuali pandangan mereka yang ditemui bertaburan di dalam kebanyakan kitab tafsir *bil ma'thur*, *syarah-syarah hadith* dan kitab-kitab *fiqh* mazhab yang kekal. Di antara tokoh-tokoh mujtahid ini ialah seperti 'Ata' bin Abi Rabah, Sa'id bin al-Musayyib, Ibrahim al-Nakha'iy, Sufyan al-Thauri. al-Imamal-Auza'iy, Ibn Jarir al-Tabari, Daud al-Zahiri dan lain-lain lagi.

⁶ Abd al-Karim Zaidan (1969), "*Madkhal Li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*". Baghdad, Matba'ah al-'Ani. hal : 155

MAZHAB SYI'AH DAN KHAWARIJ

Terdapat beberapa mazhab lain yang masih hidup, kekal, berkembang dan diberi perhatian. Namun begitu ijthihad pendokong-pendokongnya telah terkeluar dari lingkungan *Ahli Sunnah wa al-Jama'ah* dari segi Usul (prinsip) dan Furu'. Mazhab yang terpenting sekali ialah Syi'ah dan Khawarij, kemudian yang paling masyhur sekali ialah:

- Mazhab *al-Ibadiyyah* dari golongan *al-Khawarij*
- Mazhab *al-Imamiyyah* dari *Syi'ah*
- Mazhab *al-Zaydiyyah* dari *Syi'ah* juga tetapi ia lebih dikenali sebagai mazhab yang sedehana dan lebih hampir kepada *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*

MAZHAB-MAZHAB FIQH AHLI AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Mazhab fiqh yang termasyhur dari kalangan imam *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang masih terus menerus memberi khidmat dan mempunyai pengikut setia yang ramai mengembang, menyebarkan, mengajar seterusnya dipelajari ialah empat mazhab yang terkenal seperti berikut:

1. Imam Abu Hanifah (80-150H)
2. Imam Malik bin Anas (93-179H)
3. Imam al-Syafi'i (150-204H)
4. Imam Ahmad bin Hanbal (164-241H)

KONSEP IKHTILAF ATAU KHILAF

Ikhtilaf dalam bahasa Arab membawa maksud tidak sependapat atas sesuatu perkara dalam ertikata setiap orang mengambil jalan yang berbeza sama ada dalam perkataan mahu pun pendapat. *Ikhtilaf* juga memberi erti tidak sama, oleh itu setiap yang tidak sama dikatakan *ikhtilaf*. Sementara *khilaf* ialah pertentangan atau berlawanan “مضادة” (*mudadah*), jadi ia membawa erti yang sama dengan *ikhtilaf*, walaupun maknanya lebih umum.⁷ *Ikhtilaf* menurut istilah fuqaha' bererti berbeza tentang pendapat, agama, jalan-jalan dalam agama dan kepercayaan terhadap sesuatu yang boleh membawa kebahagiaan atau kecelakaan kepada manusia di dunia dan akhirat.⁸

Al-Imam al-Syatibi berpendapat *al-Khilaf* ialah sesuatu yang lahir dari hawa nafsu yang menyesatkan, bukan hasil daripada mencari objektif syara' dengan mengikut dalil-dalilnya. Oleh itu ia tidak diambilkira kerana lahir daripada hawa nafsu, sepertimana tidak mengambil kira mana-mana pendapat yang menyalahi hukum syara' yang sabit secara *qat'iy*. Manakala *Ikhtilaf* menurut Syatibi ialah:

- Pendapat-pendapat yang lahir daripada ulama mujtahidin dalam masalah-masalah ijthadiyyah yang tiada nas *qat'iy* padanya, atau
- Pendapat-pendapat terhadap masalah-masalah yang berlaku di antara dua pihak yang jelas bertentangan menurut pandangan mujtahidin disebabkan tersembunyi sebahagian dalil-dalil dan tidak ditemuinya.⁹

⁷ Kerana *khilaf* itu sebahagian daripada (*al-did*) dan tidak semestinya setiap dua benda yang berbeza itu berlawanan, walaupun dua benda yang berlawanan itu berbeza. Lihat Ibn Manzur (t.t) "*Lisan al-Arab*"; Matba'ah al-Dar al-Arabiyyah Lial-Ta'lif wa al-Tarjamah. Kaherah. jld :1, hal : 430

⁸ Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati (t.t), "*al-Muwafaqat*"; Kaherah. Matba'ah 'Ali Subaih Wa Auladhi. jld :4, hal : 110

⁹ *Ibid*

Namun demikian perbezaan di antara *Ikhtilaf* dan *Khilaf* yang dikatakan oleh al-Syatibi itu hanyalah istilah sahaja yang dilihat tidak ada kekuatan sandarannya, kerana para fuqaha' telah menggunakan *al-khilaf* dan *al-ikhtilaf* dengan makna yang sama sahaja iaitu "*Sesuatu yang tidak disepakati para fuqaha' dalam masalah-masalah ijtihad tanpa memandang betul atau salah atau ganjil pendapat yang diperkatakan itu*".¹⁰

LARANGAN IKHTILAF DALAM ISLAM

Islam memerintahkan supaya bersatu dan bermuafakat serta melarang berpecah belah dan berselisih pendapat. Dari sini dapat difahami beberapa perkara berikut:

- **Pertama** : *Ikhtilaf* adalah sesuatu yang boleh berlaku di kalangan manusia, kerana jika ia mustahil berlaku pasti syara' tidak akan melarangnya dan tidak menuntut *mukallaf* meninggalkannya, kerana melarang dari melakukan benda yang mustahil adalah sia-sia.
- **Kedua** : Apabila *ikhtilaf* itu sesuatu yang boleh berlaku dan lahir daripada manusia, maka ia juga boleh dicegah dan boleh dihasilkan lawannya iaitu bersatu dan bersepakat, kerana salah satu prinsip syara' "*Tidak ada taklif melainkan terhadap sesuatu yang mampu dilakukannya*", atau "*Tiada taklif terhadap sesuatu yang mustahil*".
- **Ketiga** : Apabila *Ikhtilaf* itu sesuatu yang dilarang dalam Syariat Islam, maka sudah tentu ia *mazmum* (dicela). Ini adalah kerana pada dasarnya yang dicela itu dilarang melakukannya.

¹⁰ Dr. Abd al-Karim Zaidan (1982), "*Majmu'ah Buhuth Fiqhiyyah*", hal : 275. Lihat juga Ibn Taymiyyah (1326H), "*Majmu' al-Fatawa*", *Matba'ah Kurdistan*. Kaherah. jld : 20. hal : 42

- **Keempat:** Apabila ikhtilaf dilarang atau dicela, maka sesiapa yang terlibat melakukannya akan dikenakan balasan seksa.

Oleh yang demikian timbul persoalan sejauhmanakah boleh berlaku ikhtilaf di antara manusia, dalam ertikata lain adakah ia suatu yang jarang atau sering berlaku, atau sampai kepada tahap mesti berlaku? Adakah orang Islam dikecualikan daripada berlaku khilaf di kalangan mereka atau tidak? Adakah khilaf itu satu jenis sahaja atau berbagai? Adakah celaan itu terhadap semua jenis khilaf atau sebahagian sahaja? Apakah faktor-faktor yang menyebabkan khilaf dan bagaimana menanganinya? Apakah balasan seksaan akan dikenakan ke atas semua orang yang berkhilaf dan lain-lain persoalan yang boleh dibangkitkan.¹¹

Sebenarnya perbincangan ini amat luas, tidak mungkin diperkatakan semuanya dalam kertas yang ringkas ini. Penulis akan memberi tumpuan kepada jenis-jenis khilaf, kaedah-kaedah menangani masalah khilafiyah dan adab al-Khilaf.

PEMBAHAGIAN KHILAF

Sebelum dibincangkan sebab-sebab khilaf antara fuqaha' ini, khilaf itu sendiri terbahagi kepada tiga bahagian¹²:

¹¹ Dr. Abd al-Karim Zaidan, Op cit, hal : 275-277

¹² Umar Sulaiman al-Asyqar dan Muhammad Othman Syabir (1996), al-Urdun. Dar al-Nafais, "Masail fi al-Fiqh al-Muqarin", hal : 10

1. **الخلاف المقبول (Khilaf Yang Diterima)**

Perbezaan yang berlaku dalam perkara-perkara yang disyariatkan itu berbagai-bagai, cuma ulama' berbeza pendapat tentang yang lebih *afdal* dan patut diutamakan sahaja seperti haji Qiran, Tamaa tu' dan Ifrad. Setiap jenis haji ini sah dilakukan walaupun mereka berselisih pendapat tentang yang lebih *afdal*. Demikian juga menyaringkan *Basmalah* dan memperlahankannya, kedua-duanya harus yakin tidak membatalkan *solat* walaupun sebahagian ulama' mengatakan sunat membaca nyaring dan sebahagian ulama' lain menganggapnya makruh.

2. **الخلاف المذموم (Khilaf Yang Dicela)**

Terdapat *khilaf* yang keji lagi dicela. Ini berpunca daripada empat sebab:

- Kejahilan
- Kezaliman dan penderhakaan
- Mengikut hawa nafsu
- Menyalahi manhaj nabawi dalam penerimaan hukum Syara' dan cara mengamalkannya

3. **الخلاف السائغ المعقول (Khilaf Yang Harus Dan Dapat Diterima Akal)**

Khilaf ini ialah perbezaan yang berlaku di kalangan ulama' mujtahidin dalam masalah ijtihadiyyah iaitu masalah yang tidak terdapat nas *qat'iy*. Namun demikian *khilaf* ini dapat diterima dengan syarat-syarat berikut:

- a. Hendaklah *khilaf* itu berlaku di kalangan ulama' fiqh dan orang yang berkelayakan dalam agama

- b. Hendaklah *ijtihad* dan *khilaf* mereka itu dalam masalah *far'iyah* yang tiada dalil-dalil *qat'iy* berhubung dengan hukumnya
- c. Hendaklah tujuan masing-masing untuk mencapai kebenaran dan yang betul
- d. Setiap orang faqih itu telah mencurahkan seluruh tenaganya bagi mencapai kebenaran

Khilaf seperti ini juga berlaku di kalangan para sahabat dan tabi'in, namun demikian tidak ada seorang pun dikalangan mereka dicela kerana perbezaan yang berlaku itu, ini disebabkan masing-masing bekerja untuk mencari kebenaran, kalau tersalah ketika menuntut dan mencari kebenaran itu mereka tidak dipersalahkan bahkan dimaafkan. Ini jelas daripada sabda baginda s.a.w :

“ إذا حكم فاجتهد ثم أصاب فله أجران ، وإذا حكم فاجتهد ثم أخطأ فله أجر ”
(حديث رواه البخاري مسلم)

Ertinya : “Apabila seorang hakim hendak menjatuhkan hukuman, lalu ia berjihad dan betul ijtihadnya, nescaya mendapat dua pahala, apabila tersalah ijtihadnya maka ia mendapat satu pahala”.

SEBAB-SEBAB KHILAF

Walaupun wujud perbezaan pendapat di kalangan ulama' mujtahidin dan masing-masing menjelaskan hujah yang menjadi sandaran kepada setiap masalah yang dihasilkan oleh ijtihad mereka, tetapi perbezaan itu tidak sedikitpun membawa kepada pulau memulau, benci mereka tanpa mengetahui dalil-dalil sandaran hukum yang mereka

ijtihadkan. Dalam pada itu mereka saling hormat menghormati antara satu sama lain dan berlapang dada serta bertolak ansur dalam masalah yang mereka tidak boleh bersatu. Ini disebabkan tabiat masalah-masalah yang dalilnya tidak *qat'iy*, maka pasti akan berlaku *khilaf*. Faktor-faktor *khilafiyah* adalah seperti berikut:

التفاوت في العقل والفهم ولقدرة على تحصيل العلم
(Kemampuan Menguasai Ilmu Tidak Sama Dari Segi Akal
Fikiran Dan Kefahaman)

Manusia berbeza sesama mereka dari segi paras rupa dan warna kulit dengan perbezaan yang nyata dan ketara. Mustahil terdapat dua orang yang serupa seratus peratus dalam semua keadaan walaupun mereka itu adalah sepasang adik-beradik kembar. Perbezaan ini sebenarnya adalah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t sepertimana firmanNya:

ومن آياته خلق السموات والأرض واختلاف ألسنتكم وألوانكم، إن في ذلك
لآيت للعالمين.
(سورة الروم : ٢٢)

Ertinya : "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu" dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan".

Perbezaan sesama manusia tidaklah setakat rupa paras dan warna kulit sahaja bahkan perbezaan itu menjangkau jauh lebih daripada itu kepada bakat semulajadi, persediaan, kecenderungan, aliran, akal, kecerdikan, kepintaran, tabiat, naluri dan lain-lain sifat yang membentuk hakikat batin manusia.

Perbezaan-perbezaan ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap *khilaf* fuqaha'. Sebahagian fuqaha' mempunyai kemampuan yang tinggi dari segi hafazan dan kefahaman, ada di antara mereka yang hafazannya lebih baik daripada kefahamannya. Sementara yang lain pula kefahamannya lebih baik daripada hafazannya.¹³

Kedua : التفاوت في الحصيلة العلمية (Perbezaan Dalam Pencapaian Ilmu)

Di antara faktor besar yang menyumbangkan *khilaf* fuqaha' ialah perbezaan mereka dalam pencapaian ilmu, khususnya tentang al-Quran dan al-Sunnah. Apabila seorang faqih lebih pengetahuannya tentang al-Quran dan al-Sunnah, maka hukumnya lebih hampir kepada tepat. Sementara itu ayat-ayat al-Quran terbatas bilangannya dapat dihafaz sedangkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w pula banyak tentulah sukar dikuasai dan dihafaznya. Ini adalah kerana ketika Rasulullah s.a.w memperkatakan sesuatu atau melakukan sesuatu perbuatan tidak semua sahabat mendengar atau melihat apa yang baginda lakukan atau perkatakan. Maka apabila baginda wafat, sunnahnya tersimpan kepada segolongan sahabat dan tidak semua sahabat yang menghimpun sunnah itu di dalam dada atau buku masing-masing.

Para sahabat pula berlebih kurang tentang menghafaz al-Sunnah, ada di antara mereka yang menghafaz dua atau tiga hadis sahaja, sementara yang lain ada yang menghafaz beribu-ribu dan ada yang sederhana sahaja hafazannya. Ramai sahabat bertebaran di beberapa wilayah Islam, masing-masing menyebarkan sunnah yang dihafaznya kepada penduduk tempatan. Begitulah caranya ilmu dan sunnah Rasulullah s.a.w tersebar luas di seluruh wilayah Islam. Ulama' setiap negeri itu

¹³ Umar Sulaiman al-Asyqar dan Muhammad Othman Syabir *Op cit*, hal : 20. Abd al-Karim Zaidan, *Op cit*, hal : 277. Perhatian : Setiap faktor-faktor *khilaf* ini ada contoh-contohnya, namun untuk mengelak daripada terlampau panjang kertas ini penulis tidak memasukkannya.

akan memberi fatwa berdasarkan hadis-hadis yang ada pada mereka , jika sesuatu perkara itu tidak ada hadis pada mereka sebagai rujukan mereka akan berijtihad, kadangkala ijthihad mereka menepati hadis dan adakalanya tersalah.

Namun demikian Allah s.w.t telah menyediakan untuk umat ini beberapa tokoh yang mempunyai cita-cita yang tinggi, azam yang kuat dan niat yang bersih, mereka menjelajah seluruh dunia Islam merentasi timur dan barat bagi mengumpulkan sunnah Rasulullah s.a.w dan menyusunnya dalam kitab-kitab *al-Sihah*, *al-Masanid* dan *al-Ma'ajim*. Sebahagiannya masyhur dikenali ramai dan sebahagiannya tidak masyhur, kesemuanya ini memudahkan untuk mengetahui sunnah Rasulullah s.a.w.

Tetapi untuk menguasai semua sunnah itu amat sulit bahkan mustahil, kerana himpunan hadis begitu banyak. Lebih-lebih lagi arah pandangan ulama' berbeza dalam menghukum sebahagian hadis, kerana sebahagian ulama' berpendapat beberapa hadis itu *sahih* sedangkan yang lain berpendapat hadis itu *daif*. Ini adalah satu bab yang luas perbincangannya sehingga membawa kepada berlakunya *khilaf* di kalangan ulama'.¹⁴

Ketiga : التفاوت في الاحاطة بعلم اللغة العربية
(Perbezaan Dalam Penguasaan Ilmu-ilmu Bahasa Arab)

Allah s.w.t menurunkan al-Quran dalam bahasa Arab. Firman Allah s.w.t dalam surah Taha ayat 113 :

وكذلك أنزلنه قرءانا عربيا.....

Ertinya : "Dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Quran sebagai bacaan dalam bahasa 'Arab.....

Allah s.w.t memilih Rasul yang terakhir berbangsa Arab bahkan baginda seorang Arab yang paling fasih bahasa Arabnya. Ulama' tidak dapat memahami *al-Quran al-Karim* dan *al-Sunnah* Rasulullah s.a.w selagi mana mereka tidak memahami bahasa Arab. Perbezaan yang nyata di kalangan ulama' dalam memahami hukum-hukum Syara' disebabkan perbezaan mereka memahami *Lisan al-Arab*, penguasaan terhadap rahsia-rahsia bahasa Arab. Dari sinilah juga akan menyumbangkan *khilaf* di antara ulama.¹⁵

Keempat: الاختلاف في مدى حجية بعض المصادر الفقهية (Perbezaan Tentang Kehujahan Beberapa Sumber Hukum)

Khilaf ulama' dalam hukum-hukum *furu'*, antara faktornya ialah berlaku *khilaf* di antara mereka tentang kehujahan sebahagian sumber-sumber yang menjadi sandaran kepada hukum-hukum *furu'*. Contohnya fuqaha' telah *khilaf* tentang kehujahan *al-Hadith al-Mursal*, *al-Qiyas*, *al-Ijma'*, *al-'Urf*, *al-Masalih al-Mursalah*, *al-Istihsan* dan *Syar'u Man Qablana*. Setiap mereka yang berpendapat satu-satu sumber itu *hujjah* akan mengamalkannya dalam mensabitkan sebahagian hukum Syara'. Sementara bagi mereka yang tidak menganggapnya sebagai *hujjah* akan menolak dan membatalkannya serta hukum-hukum yang dibina ke atasnya selagi mana tidak ada dalil yang lain.¹⁶

¹⁵ Ibid. hal : 30

¹⁶ Ibid. hal : 31

**الاختلاف فى الشروط التى يجب توافرها فى الحديث
الصحيح الذى يجوز الاحتجاج به**
**(Perbezaan Tentang Syarat-syarat Yang Wajib Dipenuhi
Pada Hadis Sahih Yang Boleh Dijadikan Hujah)**

Al-Hanafiyah telah meletakkan syarat bagi beramal dengan *Hadith Ahad*; hendaklah perawi itu tidak beramal menyalahi apa yang diriwayatkannya, tajuk hadis itu bukan daripada perkara yang *umum balwa* dan hendaklah hadis itu tidak menyalahi konsep *al-qiyas* dan dasar-dasar umum dalam Islam khususnya apabila perawi itu bukan seorang yang *faqih*.

Sementara al-Malikiyyah mensyaratkan *Khabar Ahad* itu hendaklah selari dengan *amal ahl al-Madinah*, kerana ianya sama seperti periwatan daripada Rasulullah s.a.w, sedangkan riwayat orang ramai lebih berhak diamalkannya daripada riwayat seorang sahaja. Lagipun penduduk Madinah lebih mengetahui yang terakhir *warid* daripada Rasulullah s.a.w.¹⁷

Jumhur fuqaha' pula yang terdiri daripada al-Syafi'iyah, al-Hanabillah, al-Zahiriyyah, al-Ja'fariyyah dan sebahagian fuqaha' mazhab lain berpendapat yang pentingnya wajib beramal dengan *hadith Ahad* itu ialah apabila riwayatnya itu sahih dan berhubung sanadnya dengan Rasulullah s.a.w, maka hendaklah diistinbatkan hukum daripadanya serta dijadikan sebagai sumber perundangan Islam.

¹⁷ Ibid, hal : 31-32

Sekiranya sanad hadis itu tidak berhubung dalam ertikata hadis mursal, mazhab Syafi'i menerima pakainya dengan syarat ianya daripada mursal kibar al-tabi'in seperti perawinya Sa'id bin al-Musayyib dan mempunyai sanad daripada riwayat lain atau hadis itu selaras dengan kata-kata sahabat atau difatwakannya oleh kebanyakan sahabat. Namun begitu bagi mazhab Ahmad bin Hanbal pula hadith mursal tetap diambil dan diterima pakai apabila tidak ada pada bab yang berkenaan hadis yang berhubung sanadnya.¹⁸

Keenam : الاختلاف في القواعد الأصولية (Perbezaan Tentang Beberapa Qawa'id Usuliyah)

Qawa'id Usuliyah ialah prinsip-prinsip, metod, manhaj, cara dan kaedah-kaedah yang digubal oleh para mujtahidin sebagai panduan untuk melakukan istinbat hukum-hukum Syara'. Para ulama' fiqh akan iltizam dengannya bagi mengambil hukum-hukum Syara' daripada dalil-dalilnya yang tafsili. Khilaf dalam *Qawa'id Usuliyah* adalah di antara faktor-faktor yang menyumbang khilaf dalam hukum-hukum furu'.

Qawa'id Usuliyah ini sebahagian merujuk kepada bahasa Arab dan sebahagian yang lain merujuk kepada akal. Di antara contoh-contoh khilaf tentang *Qawa'id Usuliyah* adalah seperti berikut:

١. الاختلاف في تحديد معنى اللفظ المشترك
٢. الاختلاف في حمل الأمر على الوجوب أو على الندب
٣. الاختلاف في حمل النهي على التحريم أو الكراهة

¹⁸ Ibid.

- ٤ . الاختلاف في حمل المطلق على المقيد
- ٥ . الاختلاف في حمل اللفظ على الحقيقة أو على المجاز
- ٦ . الاختلاف في حمل عام القرآن السنة المتواترة على الخاص نخبر الأحاد
- ٧ . الاختلاف في عموم المقتضى
- ٨ . الاختلاف في دلالة النص على فحوى الخطاب
- ٩ . الاختلاف في رجوع الاستثناء الوارد بعد جمل مفيدة هل يرجع الى جميعها الى آخرها
- ١٠ . الاختلاف في دلالة النص على مفهومه المخالف

**Ketujuh : الاختلاف في القراءت في القرآن الكريم
(Khilaf Tentang Qiraat Dalam al-Quran al-Karim)**

**Kelapan : الاختلاف بسبب تعارض الأدلة
(Khilaf Disebabkan Percanggahan Dalil-dalil)¹⁹**

KAEDAH MENANGANI MASALAH KHILAFIYYAH

Suatu perkara yang perlu diketahui bahawa hukum-hukum *fiqh* ada yang disepakati para imam mujtahidin, ada yang hanya disepakati di kalangan ulama'-ulama' mazhab berkenaan sahaja, ada yang berlaku *khilaf* di antara imam-imam mujtahidin dan ada juga berlaku *khilaf* di kalangan ulama'-ulama' dalam mazhab yang sama.

Oleh yang demikian, umat Islam harus menerima kenyataan di atas kerana *khilaf* dalam perkara *ijtihad* dan hukum yang berasaskan ke-

¹⁹ Ibid, hal : 33-40

pada dalil-dalil *zanni* adalah suatu perkara yang *tabi'iy* bahkan pasti berlaku sebagaimana yang dinyatakan dalam sebab-sebab *khilaf* sebelum ini. Seruan untuk menyatukan mazhab-mazhab *fiqh* adalah suatu yang lucu, justeru memaksa orang lain meleburkan atau mengorbankan pandangan ijtihadnya untuk berada dalam satu mazhab sahaja. Ini tidak mungkin bahkan ianya bercanggah dengan konsep dan tuntutan ijtihad kerana seorang yang mampu berjihad dan bermal dengan hukum yang dihasilkan oleh ijtihadnya bahkan tidak harus ia bertaqlid atau berpaling dari mazhabnya kepada pendapat orang lain. Sementara orang awam pula wajib bertaqlid kepada mana-mana mazhab dan pendapat ulama' mujtahidin yang menjadi pilihannya.

ADAB AL-IKHTILAF

Sebagai seorang muslim, kita perlu menghayati akhlak-akhlak Islamiyyah dalam semua keadaan sebagaimana yang diajar kepada kita oleh Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah. Adapun adab atau etika dalam berhadapan dengan masalah-masalah khilafiyah khususnya bagi kita yang bukan ulama' mujtahidin perlu sekali diberi penekanan agar tidak menimbulkan porak peranda dan kecelaruan dalam masyarakat. Justeru itu penulis merasakan penting perkara ini diberi perhatian sewajarnya.

1. Setiap orang mesti membersihkan dirinya dari sebarang sentimen ta'asub mazhab secara buta tuli kerana mazhab bukanlah sebagai faktor memecahbelahkan Islam dan bukan sebagai agama-agama yang menasakhkan Syariat Islam, bahkan ia merupakan sebagai aliran penafsiran dan pemahaman Syariah. Ia juga merupakan metod dan kaedah dan kaedah penyelidikan dan kajian ilmiah dalam mengistinbat hukum.

Kesemuanya bertujuan untuk mengetahui hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

2. Kita tidak harus merasa sempit dada dengan sebab wujud perbezaan mazhab kerana perbezaan dalam pemahaman dan istinbat adalah suatu perkara lumrah dan *tabi'iy* bagi akal manusia, maka sudah pasti akan berbeza dalam *istinbat* dan fahaman. Bahkan kita boleh berbangga dengan perbezaan ilmu *fiqh* yang ditinggalkan kepada kita sebagai suatu perbendaharaan *fiqh* yang amat berharga. Ia juga merupakan sebagai bukti betapa berkembang subur dan hidupnya *fiqh*, betapa luasnya pemikiran para fuqaha' kita yang agong dalam melaksanakan kewajipan mereka memberi khidmat kepada Syariat Islam yang mulia.

3. Kita wajib menghargai segala usaha yang dicurahkan oleh ulama'-ulama' mujtahidin dalam berbagai mazhab ini. Kita menghormati dan beradab dengan mereka dan kita percaya bahawa mereka akan diberi pahala sama ada betul ataupun salah, seterusnya kita berdoa untuk kebaikan mereka.²⁰

4. Kita tidak harus memaksa orang lain menerima pandangan kita dalam masalah *khilafiyyah*.

5. Kita tidak harus menentang amalan-amalan *khilafiyyah* yang tidak sesuai dengan pandangan mazhab yang kita anuti. Sebaliknya kita hendaklah menentang amalan-amalan yang bercanggah dengan hukum-hukum yang disepakati para ulama'. Ini berdasarkan kaedah *fiqhiyyah*:

“ لا ينكر المختلف فيه وإنما ينكر المجمع عليه ”

Maksudnya : "Tidak atau jangan dibantah sesuatu hukum yang berlaku khilaf di kalangan fuqaha'. Dan sesungguhnya yang perlu dibantah ialah perkara munkar yang disepakati ulama' atas pengharamannya".²¹

²⁰ Abd al-Karim Zaydan, Op cit, hal : 413

²¹ Al-Suyuti (1998) Beirut. Dar al-Kitab al-'Arabi, "al-Asybah wa al-Nazair", hal : 292

6. Kita mesti beradab dengan ulama' yang berbeza pandangan dengan kita, jangan celupar mulut melempar tuduhan kalimah *bid'ah dalalah* ke atas amalan-amalan yang *khilafiyyah*.
7. Jangan menuduh orang yang mengamalkan amalan yang kita tidak sependapatnya sebagai sesat, pembuat *bida'ah, khurafat* dan sebagainya kerana masing-masing ada hujah dan alasan yang perlu kita hormati.
8. Kita jangan terpengaruh dengan pendekatan sebahagian anak muda yang berlagak alim besar menghentam ulama'-ulama' silam yang tidak sealiran dengan mereka, sambil menyeru masyarakat menentang amalan-amalan yang sudah mantap dalam masyarakat sedangkan amalan itu khilaf *ulama'* padanya. Lebih dahyat dari itu terdapat sebahagian mereka yang biadap menyeru supaya membakar kitab-kitab tua atau jawi lama kerana menurut pandangan mereka kitab-kitab tersebut menyesatkan. *Subhanallah*.
9. Kita sebagai seorang pendakwah, guru atau imam harus bijak dalam menangani masalah khilafiyyah. Amat bodoh kalau seseorang pendakwah membangkitkan perkara yang remeh-temeh dan *khilafiyyah* dalam ceramah-ceramahnya kerana ini boleh menimbulkan perpecahan dalam masyarakat dan tuduh-menuduh antara satu sama lain.
10. Sebagai seorang pendakwah, kita perlu memfokuskan syarahan dan pengajaran kepada persoalan pokok yang perlu kita berganding bahu dalam membangun atau meruntuhnya. Sepertimana yang diungkapkan oleh Syaikh Abd al-Rasyid Ridha:

“ نتعاون فيما اتفقنا عليه ويعذر بعضنا بعضا فيما اختلفنا فيه ”

Maksudnya : “Saling bantu-membantu di antara kita dalam menegakkan perkara yang kita sepakati dan saling bertolak ansur dan bermaafan di antara kita dalam perkara khilafiyyah”

11. Mengelak dari melakukan masalah yang dipertikaikan memang di-
galakkan berdasarkan kaedah *fiqhiyyah* “ الخروج من الخلاف مستحب “
(*Keluar dari khilaf itu digalakkan*)

Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi telah menggariskan beberapa panduan
dalam menghadapi masalah *khilafiyah* dengan mengatakan seperti
berikut:²²

الدعائم الفكرية في فقه الاختلاف

١. الاختلاف في الفروع ضرورة ورحمة وسعة
٢. اتباع المنهج الوسط وترك التنطع في الدين
٣. التركيز على المحكمات لا المتشاهات
٤. تجنب القطع والإنتكار في المسائل الاجتهادية
٥. ضرورة الاطلاع على اختلاف العلماء
٦. تحديد المفاهيم والمصطلحات
٧. شغل المسلم هموم أمته الكبرى
٨. التعاون في المتفق عليه
٩. التسامح في المختلف فيه
١٠. الكف عن من قال (لا إله إلا الله)

الدعائم الفكرية في فقه الاختلاف

١. الإخلاص التجرد من الأهواء
٢. التعصب للأشخاص والمذاهب والطوائف
٣. إحسان الظن بلآخرين

²² Al-Qaradawi (1992), “*al-Sahwah al-Islamiyyah Bayna al-Ikhtilaf al-Masyru’ wa al-Tafarruq al-Mazmum*”. Dar al-Wafa’.
Kaherah. Hal : 57 dan 189

٤. ترك الطعن والتجريح المخالفين
٥. البعد عن المراء واللد في الخصومة
٦. الحوار بالتي هي أحسن

BEBERAPA CONTOH MASALAH KHILAFIYYAH

1. Membaca doa Qunut.
2. Sembahyang sunat qabliah Maghrib.
3. Sembahyang sunat qabliah Jumaat.
4. Talqin mayat setelah dikebumikan.
5. Bacaan al-Qur'an dan tahlil dihadihkan pahalanya kepada si mati.
6. Fidyah sembahyang.
7. Berwirid secara jama'ah selepas sembahyang fardhu.
8. Batal wuduk dengan sebab sentuhan lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini.
9. Membaca Usalli atau melafazkan niat sebelum takbir.
10. Bilangan rakaat sunat tarawih 20 atau 8
11. Membaca surah Yasin pada malam Jumaat
12. Maulid al-Rasul s.a.w.
13. Membaca Sayyidina dalam Salawat.
14. Imam berdoa lepas solat jama'ah dan makmum mengaminkannya.
15. Aqiqah dengan kambing sahaja.
16. Menyapu muka selepas memberi salam dan membaca:

“ أشهد أن لا إله الا هو الرحمن الرحيم، اللهم أذهب عنى لهم والحزن “

atau

“ بسم الله الذى لا إله الا هو الرحمن الرحيم، اللهم أذهب عنى لهم والحزن “

SIKAP ULAMA' TERHADAP MASALAH KHILAFIYYAH

Ulama'-ulama' kita di kalangan rumpun bangsa Melayu di Malaysia, Patani, Kemboja, Singapura, Brunei Darussalam, Indonesia dan Selatan Filipina umumnya pengikut mazhab Syafi'i semenjak Islam mula mengembangkan sayapnya di daerah ini dan mereka amat arif tentang masalah khilafiyah bersikap cukup terbuka dan sederhana sekali.

Para ulama' kita dari Seberang Perai, Pulau Pinang yang terkenal dengan kealimannya seperti al-Marhumin Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad yang lebih dikenali sebagai Tuan Minal dari Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Syeikh Tuan Husin al-Banjari Pokok Sena, Syeikh Abdullah Fahim Kepala Batas, Syeikh Tuan Haji Othman Jalaluddin al-Kelantani dan Tuan Haji Muttalib, Pondok Kubang Hulu, Penanti, Syeikh Tuan Haji Saleh al-Masri dan Haji Ahmad al-Masri, Masriyyah Tanah Liat, Bukit Mertajam, Syeikh Haji Ahmad Tuan Husin Pokok Sena, Tuan Syeikh Haji Adnan, Mufti Pulau Pinang dan Tuan Haji Yusuf Sungai Bakap.

Di negeri Perak pula ulama' terkenal seperti al-Marhumin Tuan Guru Syeikh Zubair Mudir al-Madrasah Idrisiyyah Kuala Kangsar, Tuan Guru Haji Muhammad Saman Kati, Tuan Guru Haji Adb al-Samad Nuh Padang Rengas, Dato' Tuan Haji Ghazali Haji Arsyad Batu 26 Bagan Datuk, Tuan Haji Ahmad Haji Yunus Malim Nawar, Ustaz Abu Bakar al-Baqir Gunung Semanggol, Tuan Haji Ahmad Haji Yunus Sungai Petani, Bukit Gantang dan mufti-mufti Perak yang telah meninggal dunia.

Sementara di Kedah, tokoh-tokoh ulama' dan tuan-tuan guru yang telah melahirkan ribuan ulama' dan pendakwah antaranya dari daerah Pendang yang terkenal ialah Tuan Guru Haji Wan Ibrahim Wan Abdul Kadir (Pak Cu Him) Pondok Gajah Mati, Haji Ahmad Rubab Pondok Chegar, Tuan Haji Ibrahim Pondok Batu Hampar dan Tuan Haji Abdul Aziz Haji Ibrahim Pondok Pendang. Di daerah Alor Star pula, Tuan Haji Abd Rahman Syeikhul Islam Kedah, Dato' Mursyid DiRaja Haji Tajuddin Pondok Melele, Tuan Haji Itam Pondok Tanjung Bedil, Tuan Haji Abu Bakar Pelastin Pondok Air Hitam dan Tuan Haji Abdullah Saghir Pondok Langgar. Ulama' daerah Guar Cempedak pula ialah Tuan Haji Othman Madrasah al-Nahdah, Bukit Besar, Tuan Haji Yahaya Junaid Madrasah Taufiqiyah, Batu 16, Tuan Haji Abd Majid dan Tuan Haji Husin Che Dol, Guar Cempedak. Ulama' Sungai Petani yang terkenal ialah Tuan Haji Yahaya Pondok Kampung Pisang, Kupang dan Tuan Haji Umar Pondok Lanai. “ غفر الله لهم ولنا أجمعين “

Saya yakin mereka ini kesemua amat memahami masalah khilafiyah dan tidak sedikitpun menimbulkan ketegangan dalam masyarakat pada zaman mereka, malah saling memahami dan sering melakukan muzakarah dalam suasana mahabbah dan kasih sayang kerana Allah s.w.t. Oleh kerana mereka amat faham adab dan akhlak dalam masalah khilafiyah inilah, maka mereka amat dihormati, disanjung dan dipelajari ilmu Islam dari mereka. Walaupun kemungkinan ada masalah yang mereka tidak setuju kerana berbeza pandangan dan pendapat tetapi mereka tetap saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

PENUTUP

Perbahasan masalah khilafiyah ini tidak wajar diperbesar dan saling menyalahkan antara satu sama lain, lebih-lebih lagi menghukum bid'ah, khurafat dan kafir. Ini kerana khilaf dalam masalah furu' suatu yang tidak dapat dielakkan. Apa yang penting bagi umat Islam ialah berganding bahu menegakkan Syariat Islam dalam diri, rumahtangga, masyarakat dan negara. Seterusnya memerangi kemaksiatan dan kemungkaran yang disepakati dan bekerja keras menegakkan yang ma'ruf yang diijma' ulama' di samping berlapang dada dan bertolak ansur ketika menghadapi perkara-perkara khilafiyah dalam semangat persaudaraan Islam dan kesatuan ummah.

والله أعلم بالصواب

Hakcipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Cetakan Pertama 2007

Penerbit:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 45, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975

Faks: 04-263 2985

rekabentuk & cetakan oleh

betamedia